

17 APR 1999

Maal Hijrah-Mahathir

CONTOHI TELADAN PERISTIWA MAAL HIJRAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia wajar mengambil contoh teladan daripada peristiwa Maal Hijrah bagi membina perpaduan yang lebih kukuh untuk mengekalkan keamanan negara.

Perdana Menteri berkata keamanan dan keharmonian yang dialami sekarang belum tentu dapat dinikmati sekiranya tidak ada perpaduan di kalangan rakyat.

"Bahkan negara akan runtuh jika rakyat berpecah belah dan mementingkan diri sendiri," katanya dalam perutusan buku cenderamata sambutan Maal Hijrah 1420 Hijrah di Stadium Putra Bukit Jalil di sini.

Beliau bersyukur kerana di sebalik kegawatan ekonomi negara, Malaysia masih lagi dapat menyambut dan merayakan kedatangan tahun baru Hijrah dengan penuh bermakna dan dalam keadaan aman dan harmoni.

Pentingnya unsur perpaduan dalam masyarakat jelas kelihatan semasa Rasulullah berhijrah dari Mekah ke Madinah yang antara perkara utama yang baginda lakukan setibanya di Madinah ialah mempersaudarakan dua kaum iaitu Muhajirin dan Ansar, katanya.

"Seterusnya dengan menyatupadukan berbagai-bagai kaum dan agama, akhirnya dapat wujud sebuah negara yang kuat dan maju," katanya.

Perdana Menteri berkata tema Maal Hijrah tahun ini iaitu "Perpaduan Ummah Membawa Kejayaan" adalah manifestasi daripada peristiwa hijrah itu.

Dr Mahathir berharap sambutan Maal Hijrah tahun ini dapat mendorong rakyat membina perpaduan yang lebih kukuh di kalangan mereka untuk mengekalkan keamanan negara.

"Ini sangat penting lebih-lebih lagi dalam usaha kita untuk mencapai taraf negara maju," katanya.

-- BERNAMA

MNY NAK